# Krisis memuncak kerana syor cuti hari nelayan

# Berjaya pecat Othman Rauf



DATUK PENGIRAN OTHMAN RAUF

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

**KOTA KINABALU, Isnin — Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf, telah dipecat dari parti Berjaya.**

Pemecatannya yang berkuatkuasa Sabtu lalu diumumkan oleh timbalan presiden parti itu, Datuk Dr James Ongkili, dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, jawatankuasa tatatertib parti yang bersidang dua jam Sabtu lalu sebulat suara menyetujui pemecatan itu.

Dalam satu pengumuman, Datuk Dr Ongkili berkata Datuk Pengiran Othman telah diminta hadir di depan jawatankuasa itu untuk membela diri dan menerangkan pendiriannya, tetapi "beliau tidak mengendahkan notis itu."

Datuk Dr Ongkili yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu yang dipengerusikannya diadakan selaras dengan Perkara 54, perlembagaan Berjaya.

Datuk Pengiran Othman yang juga salah seorang daripada 10 orang naib-presiden parti sebelum ini telah tersingkir dari jawatan pengerusi Berjaya bahagian Papar yang juga meluluskan usul tergempar menggesa supaya beliau dipecat dari parti.

Pertikaian antara Datuk Pengiran Othman dan para pemimpin parti memuncak Februari lalu apabila beliau mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengisytiharkan tanggal 1 dan 2 Februari tiap-tiap tahun sebagai cuti awam bagi menghormati masyarakat nelayan.

Cadangannya telah ditolak oleh Kerajaan Negeri. Datuk Pengiran Othman telah diminta menerangkan kenapa beliau tidak merujukkan kepada parti ketika membuat cadangan itu.

Beliau menerangkan, cadangan itu dibuat atas jawatannya sebagai presiden Ikatan Rumpun Asli Nusantara Malaysia ketika melancarkan satu pesta nelayan di Papar.

Pucuk pimpinan Berjaya baru-baru ini mengarahkan semua anggota parti yang menganggotai Ikatan supaya meletakkan jawatan dari persatuan itu dan jangan mengambil bahagian dalam kegiatannya kerana matlamat Ikatan adalah bertentangan dengan matlamat Berjaya sebagai parti berbagai-bagai kaum. — Bernama.

## 15 projek rumah yang terbengkalai kini dipulihkan

Oleh JAMALUDDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Isnin – Lima belas dari 34 projek perumahan bernilai berjuta-juta ringgit yang terbengkalai sedang dipulihkan, kata Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Encik Jamian Mohamad.

Beliau menegaskan, projek-projek diteruskan berikutan campurtangan Kementerian di samping kerjasama erat pembeli-pembeli rumah di projek perumahan berkenaan.

"Dua projek berkenaan telah pun siap manakala 13 projek yang lain sedang dibina oleh pemaju-pemaju setelah mendapat pinjaman tambahan dari institusi kewangan," jelas beliau.

Projek perumahan yang terbengkalai itu dapat diselamatkan hasil aduan orang ramai berikutan laporan Berita Harian yang meminta pembeli yang terbabit membuat aduan terus ke-

...nalpasti masalah yang dihadapi pemaju-pemaju perumahan.

Katanya, dengan ini pihaknya dapat menyelamatkan berjuta ringgit wang orang ramai di samping menyelesaikan masalah perumahan.

Projek perumahan yang paling banyak terbengkalai ialah di negeri Johor, 8 projek, Pahang (6), Selangor (4), Perak (4), Negeri Sembilan (3), Pulau Pinang (3), Perlis (2) dan negeri-negeri lain satu projek setiap negeri.

Pengarah Penguatkuasa itu menerangkan laporan Berita Harian tempoh hari memudahkan pihaknya berunding dan menemui titik pertemuan dengan mudah.

Katanya, jika kedua belah pihak tidak berunding sudah tentu mereka sama-sama mengalami

...pembeli perlu menambah harga rumah berkenaan," ujarnya.

Encik Jamian berharap 19 projek perumahan yang terbengkalai itu akan dapat dipulihkan semula supaya wang yang terpendam berjuta ringgit itu tidak hilang begitu sahaja.

Projek perumahan itu terbengkalai antara dua hingga lima tahun dan Bahagian Penguatkuasa Perumahan sedang giat mencari pemaju perumahan yang terbabit supaya satu penyelesaian yang positif dapat dicapai.

## *Polis tahan lelaki berlagak pegawai*

PULAU PINANG, Isnin — Seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai polis lengkap dengan sepasang gari, sepucuk pistol mainan dan sepucuk rangka pistol buatan sendiri di-

...pada jam 1.20 tengah hari Sabtu lalu.

Lelaki itu yang berusia 34 tahun, sejak seminggu lalu telah memperdaya anggota polis yang bertugas di bandar ini dengan perwatakannya itu.

Anggota-anggota polis

...dengan memeras ugut para pengedar dan penagih dadah, pengusaha-pengusaha sarang perjudian dan peniaga-peniaga.

Ketua Polis Daerah Georgetown, Penguasa Mokhtar Daud berkata hari ini, polis mengeta-

...lelaki itu di rumahnya itu sejak jam 5.30 petang Jumaat lalu.

Usaha mereka hanya berhasil pada jam 1.20 tengah hari keesokan harinya apabila lelaki itu keluar dari rumahnya itu menuju ke keretanya.

Polis dengan segera

...dijumpai sepucuk pistol mainan dan rangka sepucuk pistol buatan sendiri yang hampir siap.

Pistol mainan itu yang berukuran 8cm ( 3 1/2 inci) apabila ditembak boleh mengeluarkan ledakan bunyi seperti pistol jenis .32 Walter.

Encik Mokhtar mem-

Menurutnya, lelaki itu berlagak sebagai seorang pegawai polis kerana gagal beberapa kali untuk berkhidmat dengan pasukan polis.

Lelaki itu, katanya, akan didakwa di bawah Seksyen 36 (1) Akta Senjatapi kerana memiliki pistol mainan.